

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 11 APRIL 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	KERANG MATI KELAPARAN, HARIAN METRO -ONLINE KERANG MATI KELAPARAN, SETEMPAT, HM -10 PENGEMAR MAKANAN LAUT CENGERANG KINI PILIH IKAN, SETEMPAT, HM -11 PERIKANAN TAHAN BOT VIETNAM TANGKAP GAMAT, SH -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	IKAN KEMBONG HANYA RM4 SEKILO, SETEMPAT, HM -11	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6. 7. 8. 9.	OPERASI PEMUTIHAN 750 PASAR TANI, HM -ONLINE FAMA TIDAK KOMPROMI PENIAGA WARGA ASING, SENTRAL, SH -18 PENIAGA WARGA ASING DI PASAR TANI AKAN DIGEMPUR, ISU, BH -18 PROMOSI 500 PRODUK TEMPATAN SEPANJANG LTdL 2019, SH -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10. 11. 12. 13. 14. 15.	PEMBENIHAN AWAN, NEGARA, KOSMO -4 KADA LAKUKAN PEMBENIHAN AWAN, UM -ONLINE KADA LAKSANA PEMBENIHAN AWAN, BERITA, BH (UTARA) -62 USAHA BENIH AWAN, NEWS, HM (TIMUR) -35 HUSAM DILANTIK PENERUSI KADA, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -3 HUSAM DILANTIK PENERUSI BAHARU KADA, NEGERI, MINGGUAN AMANAH -25	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
16. 17. 18. 19.	KOPERASI MAMPU KUKUH EKONOMI PESAWAH, SH -ONLINE INDUSTRI PADI MALAYSIA LEMAH, BH -ONLINE FOKUS SEGMENT TERTENTU LEMAHKAN INDUSTRI PADI, BISNES, BH -25 KOPERASI, PEMASARAN INPUT TERBUKA PERKUKUH PESAWAH, BISNES, HM -36	BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB)
20. 21.	4 KEMENTERIAN TANGANI PENDATANG ASING KUASAI PASAR BORONG, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -14 JANA PENDAPATAN PETANI BUKIT KOR, K2, KOSMO -24	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/4/2019	HARIAN METRO	ONLINE	

Kerang mati kelaparan



KEPUPUSAN atau pengurangan sumber kerang ketika ini berpunca perubahan suhu, keasidan air (pH air), rendah kandungan oksigen dan pencemaran bahan kimia tertentu.

Ketua Pengarah Perikanan Datuk Munir Mohd Nawi berkata, kerang yang didedahkan lebih daripada enam jam secara berterusan terhadap punca itu boleh menyebabkan kematian.

"Ia adalah proses pantai yang membabitkan tekanan kepada hidupan di persekitaran berkenaan. Kawalan ke atas bilangan atau aktiviti penternakan tidak akan banyak membantu memulihkan peningkatan hasil, kecuali kualiti habitat dipulihkan.

"Kerang yang terdedah kepada sesuatu perubahan habitat yang negatif akan bertindak balas dengan menutup cengkerangnya.

"Pendedahan kepada ammonia pada jangka masa panjang akan memberi tekanan kepada kerang kerana ia akan kelaparan dan boleh mengakibatkan kepada kematian," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Munir berkata, permasalahan ammonia ini turut diburukkan oleh peningkatan bacaan pH dan suhu air. Semakin tinggi kealkalian air maka semakin tinggi kepekatan ammonia.

"Kehadiran ammonia di dalam air berpunca daripada pelbagai sumber *antropogenik* (hasil aktiviti manusia).



"Antaranya penggunaan baja dan racun perosak di kawasan pertanian dan akuakultur sepanjang sungai terbabit. Selain itu, kehadiran kilang pemprosesan atau loji tidak terawat yang mengalirkan buangan terus ke sungai juga menjadi sumber peningkatan ammonia di dalam air.

"Pada 2015, Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Jabatan Perikanan (DOF) sudah menjalankan satu kajian penyelidikan menyeluruh untuk mencari punca permasalahan ini yang dijalankan di Kebun Kerang Selangor (KKS)," katanya.

Menurutnya, penurunan drastik ini menyebabkan DOF mengambil langkah menubuhkan KKS pada 2007 dengan tujuan melonjakkan kembali penghasilan kerang.

"Hasilnya, pada 2008 pengeluaran kerang melonjak kepada 14,750 tan metrik dan seterusnya memuncak pada 2010 iaitu 41,410 tan metrik.

"Namun sejak itu, pengeluaran kerang kembali suram dengan hanya 3,327 tan metrik dihasilkan pada 2015. Pelbagai faktor dikenal pasti menyebabkan keadaan ini. Antaranya ialah perubahan habitat kerang yang disebabkan oleh pembangunan pesat di kawasan daratan.

"Bagi mengatasi masalah penurunan hasil kerang di Selangor ini, FRI DOF melaksanakan satu kajian pembiakan aruhan kerang di sekitar perairan Kapar bersama-sama dengan TNB Research Sdn Bhd (milik Tenaga Nasional Berhad)," katanya.

Katanya, dengan mengambil kira faktor kerang atau nama saintifiknya *Anadara granosa* membiak secara sebaran dan pembiakannya boleh diaruhkan dengan faktor renjatan suhu, maka eksperimen dijalankan di lokasi berhampiran Stesen Janakuasa KEV di Kapar, Selangor.

"Stesen ini menggunakan air laut yang disedut melalui paip dan dibuang kembali ke laut kemudiannya bagi tujuan penyejukan jana kuasa. Air buangan ini mempunyai suhu sekitar 36 Celsius iaitu lebih panas daripada suhu air normal sekitar 31 Celsius.

"Pembiakan akan berlaku apabila kerang diaruhkan dengan peningkatan suhu mengejut sebanyak 5 Celsius. Kajian bersama ini yang dimulakan pada Jun 2016 untuk tempoh masa setahun mendapati wujudnya suatu lokasi di dasar laut berhampiran dengan Stesen Janakuasa KEV yang sesuai untuk eksperimen pembiakan aruhan kerang.

"Dalam kajian ini sejumlah hampir 10,000 kilogram (kg) kerang dewasa dengan purata saiz 33 mm dengan majoritinya bersedia untuk bertelur ditaburkan secara serakan di lokasi berkenaan pada Julai dan September 2016," katanya.

KERANG MATI KELAPARAN

■ Sumber laut diancam kepupusan akibat kehadiran bahan kimia

Mohamad Hussin
dan Mary Victoria Dees
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kepupusan atau pengurangan sumber kerang ketika ini berpunca perubahan suhu, keasidan air (pH air), rendah kandungan oksigen dan pencemaran bahan kimia tertentu.

Ketua Pengarah Perikanan Datuk Munir Mohd Nawi berkata, kerang yang didedahkan lebih daripada enam jam secara berterusan terhadap punca itu boleh menyebabkan kematian.

"Ia adalah proses pantaf yang membabitkan tekanan kepada hidupan di persekitaran berkenaan. Kawalan ke atas bilangan atau aktiviti pemernak tidak akan banyak membantu memulihkan peningkatan hasil, kecuali kualiti habitat dipulihkan.

"Kerang yang terdedah kepada sesuatu perubahan habitat yang negatif akan bertindak balas dengan menutup cengkerangnya.

"Pendedahan kepada ammonia pada jangka masa panjang akan memberi tekanan kepada kerang kerana ia akan kelaparan dan boleh mengakibatkan kepada kematian," katanya ketika ditubungi, di sini, semalam.

Munir berkata, permasalahan ammonia ini turut diburukkan oleh peningkatan bacaan pH dan suhu air. Semakin tinggi kepekatan air maka semakin tinggi kepekatan ammonia.

"Kehadiran ammonia di dalam air berpunca daripada pelbagai sumber antropogenik (hasil aktiviti manusia).

"Antaranya penggunaan baja dan racun perosak di kawasan pertanian dan akuakultur sepanjang sungai terbabit. Selain itu, kehadiran kilang pemprosesan atau loji tidak terawat yang mengalirkan buangan terus ke sungai juga menjadi sumber peningkatan ammonia di dalam air.

"Pada 2015, Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Jabatan Perikanan (DOF) sudah menjalankan satu kajian menyelidik menyeluruh untuk mencari punca permasalahan ini yang dijalankan di Kebun Kerang Selangor (KKS)," katanya.

Menurutnya, penurunan drastik ini menyebabkan DOF mengambil langkah menubuhkan KKS pada 2007 dengan tujuan melonjakkan kembali penghasilan kerang.

"Hasilnya, pada 2008

pengeluaran kerang melonjak kepada 14,750 tan metrik dan seterusnya memuncak pada 2010 iaitu 41,410 tan metrik.

"Namun sejak itu, pengeluaran kerang kembali suram dengan hanya 3,327 tan metrik dihasilkan pada 2015. Pelbagai faktor dikenal pasti menyebabkan keadaan ini. Antaranya ialah perubahan habitat kerang yang disebabkan oleh pembangunan pesat di kawasan daratan.

"Bagi mengatasi masalah penurunan hasil kerang di Selangor ini, FRI DOF melaksanakan satu kajian pembalakan aruhan kerang di sekitar perairan Kapar bersama-sama dengan TNB Research Sdn Bhd (milik Tenaga Nasional Berhad)," katanya.

Katanya, dengan mengambil kira faktor kerang atau nama saintifiknya *Anadara granosa* memblak secara sebaran dan pembalakkannya boleh diarahkan dengan faktor renjatan suhu, maka eksperimen dijalankan di lokasi berhampiran Stesen Janakuasa

KEV di Kapar, Selangor.

"Sresen ini menggunakan air laut yang disedut melalui paip dan dibuang kembali ke laut kemudiannya bagi tujuan penyejukan jana kuasa. Air buangan ini mempunyai suhu sekitar 36 Celsius iaitu lebih panas daripada suhu air normal sekitar 31 Celsius.

"Pembalakan akan berlaku apabila kerang diaruhkan dengan peningkatan suhu mengeljut sebanyak 5 Celsius. Kajian bersama ini yang dimulakan pada Jun 2016 untuk tempoh masa setahun mendapati wujudnya suatu lokasi di dasar laut berhampiran dengan Stesen Janakuasa KEV yang sesuai untuk eksperimen pembalakan aruhan kerang.

"Dalam kajian ini sejumlah hampir 10,000 kilogram (kg) kerang dewasa dengan purata saiz 33 mm dengan majoritinya bersedia untuk bertelur ditaburkan secara serakan di lokasi berkenaan pada Julai dan September 2016," katanya.



Masih selamat dimakan


Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu (UMT) mengesahkan makanan laut bercengkerang di seluruh negara selamat untuk dimakan dan tidak dicemari logam berat. Penyarah Kanan Program Sains Marin UMT, Prof Madya Dr Ong Meng Chuan, berkata kajian dilakukan penyelidik mendapati kepekatan logam berat yang terdapat dalam organisma kerang-kerangan di Sungai Muar, Johor berada pada paras kandungan logam dibenarkan bawah Malaysia Food Regulation (1983).

Katanya, penyelidik daripada UMT hanya melakukan kajian kepekatan logam berat yang terdapat dalam organisma kerang-kerangan termasuk empat spesies hidupan laut termasuk tirau, kepah, lokan dan kerang di Sungai Muar.

"Hasil dapatan kajian sampel mendapati semua spesies itu masih selamat untuk dimakan dan tidak mendatangkan sebarang kemudaratannya kepada manusia.

"Penyelidik UMT tidak mengambil sampel kerang-kerangan sebaliknya hanya melakukan kajian berdasarkan sampel sedimen, air laut, plankton, hibentos dan mikro plastik di perairan Selat Melaka," katanya ketika mengulas laporan media (bukan akhbar kumpulan New Straits Times) serta penulisan isu makanan laut bercengkerang di Selat Melaka dicemari logam berat seperti dimuatnaik melalui media sosial sejak Isnin lalu.

Katanya, bagi menentukan tahap pencemaran dalam spesies kerang-kerangan, kajian secara menyeluruh perlu dilakukan dan membabitkan pelbagai pihak yang mempunyai kepakaran diiktiraf.



Penggemar makanan laut cengkerang kini pilih ikan

Johor Bahru: Sesetengah penggemar makanan laut cengkerang terutama warga Singapura menghentikan pembelian makanan laut itu di beberapa pasar awam di bandar raya ini berikutan bimbang kesihatan mereka terjejas dengan logam berat.

Seorang warga Singapura, Toni Sakibin, 69, berkata, dia menjadi pelanggan tetap Pasar Awam Larkin terutama untuk mendapatkan bekalan makanan laut cengkerang sejak tiga tahun lalu.

Ini kerana kejuergannya adalah penggemar kerang dan kupang menyebabkan dia mendapatkan bekalan mentah hasil laut itu dari Johor Bahru.

"Pendedahan berkaitan cengkerang di Selat Melaka yang dikatakan tercemar dengan bahan logam berat memang mengejutkan saya dan keluarga. Saya dimaklumkan oleh kenalan yang menasihati kami menghentikan pembelian susulan laporan media di Malaysia Isnin lalu.

"Hari ini (semalam) saya hanya membeli ikan bagi menggantikan cengkerang kerana khuatir ia boleh memudaratkan selain bimbang terdapat larangan membawa masuk kerang atau kupang ke Singapura. "Sehingga kini tiada sebarang

larangan diumumkan kerajaan Republik Singapura namun saya enggan membeli sebagai langkah keselamatan." katanya ketika ditemui di Pasar Awam Larkin di sini, semalam.

Sementara itu, penjual cengkerang di Pasar Awam Larkin yang hanya mahu dikenali sebagai Roslan, 30-an berkata, sambutan oleh pelanggan tempatan terhadap jualan cengkerang di geraiinya tidak menampak perubahan ketara.

"Namun pada hari ini (semalam) salah seorang pelanggan tetap saya maklumkan isu cengkerang di perairan negara ini tercemar. Saya sudah berniaga di sini sejak 30 tahun lalu, namun sehingga kini tiada masalah timbul.

"Permintaan sama seperti biasa namun bekalan cengkerang termasuk kerang, kupang dan lala berkurangan sejak Februari lalu dipercayai akibat habitat yang musnah atau benih semakin pupus," katanya.

Rostan berkata, sehingga kini tiada agensi berkaitan melarang jualan cengkerang dan menyatakan ia tidak sesuai dimakan atau tidak selamat.

"Mungkin maklumat tersebar berunsur sabotaj kerana sekiranya ia sahli, agensi berkaitan sudah membuat pendedahan," katanya.



RIADJAH Md Shah menjual ikan kembung pada harga RM10 untuk tiga kilogram di pelantar ikan Kempong Seberang Kota.

Kuala Lumpur: Lambakan ikan kembung di kawasan utara Semenanjung Malaysia hingga menyebabkan harga jatuh sehingga RM4 sekilogram adalah disebabkan oleh pertambahan sumber ikan selain faktor cuaca yang menyebelahi aktiviti nelayan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Muhammad Faiz Fadzi berkata, ia juga adalah keadaan biasa memandangkan populasi ikan kembung atau lebih dikenali sebagai ikan temerung di kawasan utara sememangnya lebih banyak berbanding di perairan selatan atau pantai timur.

"Bila sumber banyak, hasil tangkapan pun banyak dan ia menyebabkan lambakan ikan di pasaran, sekali gus menyebabkan harganya turun berbanding biasa.

"Sama juga seperti ikan tongkol, ia sememangnya lebih murah di pantai timur kerana populasinya lebih banyak di kawasan perairan di sana," katanya kepada Harian Metro.

Muhammad Faiz mengulas laporan Harian Metro semalam mengenai lambakan ikan kembung di kawasan utara hingga menyebabkan harganya

jatuh sehingga RM4 sekilogram berbanding RM10 hingga RM15 sekilogram sebelum ini. Kebanyakan nelayan di Kuala Kedah dikatakan memperoleh hasil tangkapan ikan sebanyak 100 kilogram (kg) berbanding hanya 30kg atau 40kg sehari sebelum ini.



MOHD Farid Othman (kanan) bersama rakannya mengasingkan hasil tangkapan ikan di pelantar ikan Kempong Seberang Kota.

Ikan kembung hanya RM4 sekilo

66 Bila sumber banyak, hasil tangkapan pun banyak dan ia menyebabkan lambakan ikan di pasaran, sekali gus menyebabkan harganya turun"

Muhammad Faiz Fadzi

Lambakan ikan itu dipercayai berlaku disebabkan perubahan monsun sekali gus memberi rezeki kepada nelayan di kawasan terabit.

Sementara itu, Muhammad Faiz berkata, orang ramai tidak boleh membandingkan harga ikan temerung di pasaran

selatan atau pantai timur kerana sumber ikan itu tidak sebanyak di utara.

Begitupun kata Muhammad Faiz, kerajaan komited dalam mengawal harga ikan di pasaran dengan melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk mewujudkan pasar nelayan.

"Inisiatif itu bagi memberi peluang kepada nelayan untuk menjual hasil tangkapan mereka secara terus kepada orang ramai.

"Ia sekali gus mengurangkan pembahitan orang terengah," katanya yang turut mengingatkan nelayan supaya menyimpan stok tangkapan ikan untuk musim perayaan kelak.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/4/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

Perikanan tahan bot Vietnam tangkap gamat



KUALA TERENGGANU – Dua bot nelayan Vietnam sanggup menempuh perjalanan lebih tiga hari untuk menceroboh masuk ke perairan negara semata-mata mahu menangkap gamat yang dikatakan banyak di negeri ini. Bagaimanapun, usaha mereka tidak berjaya apabila ditahan penguatkuasa Unit Perlindungan Sumber, Taman Laut, Jabatan Perikanan Terengganu pada jam 2 petang semalam selepas mendapat maklumat daripada nelayan yang menyedari kegiatan haram bot asing itu.

Pengarah Perikanan Terengganu, Zawawi Ali berkata, bot Vietnam itu dikesan menangkap hasil laut di kawasan Taman Laut Pulau Tenggol iaitu kira-kira 2 batu nautika dari pulau yang diwartakan sebagai Taman Laut Malaysia.

"10 anggota diketuai Timbalan Pegawai Perikanan, Huzaifah Jaafar bergerak ke Pulau Tenggol dengan bot peronda laju dan bot peronda taman laut. Hasil pemeriksaan, kita menemui alat yang digunakan untuk menangkap gamat.

"Kita turut merampas kira-kira 10 kilogram gamat yang sudah ditangkap. Jumlahnya tidak banyak kerana difahamkan bot ini baru saja sampai di sini," katanya pada sidang akhbar di jeti Perikanan pangkalan Pulau Kambing, di sini hari ini.

Berikutan itu, jabatan perikanan menahan 11 awak-awak berusia antara 26 tahun hingga 40 tahun kerana tidak mempunyai pasport dan menyita dua bot serta pelbagai peralatan yang dianggarkan bernilai lebih RM1 juta.

Menurut Zawawi, kes disiasat di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan iaitu menangkap ikan tanpa kebenaran dan Seksyen 16(3) kerana tiada notifikasi memasuki perairan negara.

Pada tahun ini, Jabatan Perikanan Terengganu berjaya menahan 17 bot tempatan dan dua bot nelayan asing kerana melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.

Beliau berkata, nelayan asing berminat datang ke perairan Terengganu kerana negeri ini kaya dengan hasil laut terutama gamat.

"Gamat banyak di perairan sebab kita tidak ada kilang memproses gamat, jadi tiada permintaan. Di Vietnam ada kilang dan mereka guna alat menangkap gamat tajam yang bukan saja merosakkan perairan malah turut memusnahkan terumbu karang.

"Berdasarkan bekalan minyak dan makanan yang banyak ditemui dalam dua bot Vietnam ini, kita percaya mereka bercadang duduk lama di sini bagi menangkap gamat. Kita juga dimaklumkan ada bot pembekal yang datang beri bekalan dan ambil gamat dari bot ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/4/2019	HARIAN METRO	ONLINE	

Operasi pemutihan 750 pasar tani



ISHAK (kiri) melihat sayur jualan peniaga ketika lawatan kerja ke Pasar Tani Kekal di Pekan. FOTO/ Mohd Rafi Mamat
Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan melakukan operasi pemutihan peniaga warga asing yang berniaga di 750 pasar tani seluruh negara dalam masa terdekat.

Pengerusinya, Ishak Ismail berkata, anggota penguat kuasa peringkat negeri sudah diarah melakukan pemeriksaan secara berperingkat sebelum operasi bersepadu dilakukan secara besar-besaran.

ADVERTISEMENT

Katanya, FAMA tidak akan berkompromi kerana sudah tertakluk dalam syarat yang ditetapkan iaitu warga asing tidak dibenarkan berniaga di pasar tani bagi memastikan peluang peniaga tempatan tidak terjejas.

"Peniaga yang bertindak menyewakan permit tapak perniagaan juga akan dikenakan tindakan tegas yang mana lesen mereka akan dibatalkan serta-merta tanpa kompromi.

"Kita tidak boleh menerima apa juga alasan diberikan pihak terbabit kerana peraturan yang tidak membenarkan pemilik lesen menggunakan pekerja warga asing sudah ditetapkan sejak dahulu," katanya pada program lawatan kerja ke Pasar Tani Kekal Pekan, hari ini.

Turut sama, Pengarah FAMA Pahang, Rosli Aw Da.

Beliau berkata, kini terdapat kira-kira 68,000 peniaga di 750 pasar tani seluruh negara dengan setiap pasar tani mempunyai antara 60 hingga 80 peniaga yang menjual pelbagai hasil pertanian, perikanan dan makanan.

Ishak berkata, pengguna yang melihat warga asing berniaga atau bekerja di pasar tani diminta melaporkannya kepada FAMA daerah dan negeri bagi tujuan siasatan dan tindakan.

Katanya, kes warga asing berniaga banyak berlaku di pasar borong malah ada juga yang berniaga di luar kawasan pasar tani.

"Saya akan memastikan isu warga asing berniaga dan bekerja di pasar tani dapat diselesaikan tahun ini seperti diarahkan oleh Menteri Pertanian Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

"Justeru, saya berharap peniaga pasar tani dapat mematuhi arahan bagi mengelak mereka dikenakan tindakan.

"Peringatan sudah diberikan dan jangan salahkan FAMA sekiranya lesen berniaga mereka dibatalkan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/4/2019	SINAR HARIAN	SENTRAL	18

FAMA tidak kompromi peniaga warga asing

PEKAN- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan melakukan operasi pemutihan peniaga warga asing di 750 pasar tani seluruh negara dalam tempoh terdekat.

Pengerusinya, Ishak Ismail berkata, pihaknya tidak akan berkompromi dengan peniaga warga asing yang menjalankan perniagaan di pasar tani kerana boleh menjejaskan peluang perniagaan orang tempatan.

Menurutnya, arahan dikeluarkan kepada semua anggota penguatkuasaan supaya menjalankan pemeriksaan secara berperingkat bagi mengesan peniaga warga asing ini sebelum operasi bersepadu secara besar-besaran diadakan.

"Kalau kita dapati ada peniaga yang menyewakan permit tapak perniagaan kepada orang lain, pihak kita akan kenakan tindakan tegas dengan membatalkan lesen tanpa kompromi.

"Ini kerana peraturan FAMA tidak membenarkan mana-mana peniaga menggunakan pekerja warga asing dan jika ada perbuatan sebegini dikesan, pasti kita tidak akan menerima sebarang alasan di-



Ishak (Idri) melihat sayur jualan peniaga ketika lawatan kerja ke Pasar Tani Kekal Pekan, semalam.

berikan pihak terbabit," katanya ketika program lawatan kerja ke Pasar Tani Kekal Pekan yang turut disertai Pengarah FAMA Pahang, Rosli Aw Da, di sini semalam.

Setakat ini terdapat kira-kira 68,000 peniaga di 750 pasar tani seluruh negara dan setiap pasar tani ada di antara 60 hingga 80 peniaga yang menjual pelbagai hasil pertanian, perikanan dan makanan.

Dalam pada itu Ishak berkata, tindakan tegas dilakukan bagi memastikan arahan Menteri

Pertanian Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub supaya isu warga asing berniaga dan bekerja di pasar tani dapat diselesaikan tahun ini.

Justeru, beliau meminta kerjasama daripada orang ramai untuk membuat aduan kepada FAMA, sekiranya melihat warga asing bekerja atau berniaga di pasar tani.

"Jadi, kita boleh membuat siasatan dan tindakan lanjut kepada peniaga warga asing ini menerusi mata dan telinga orang ramai," katanya.

(FOTO MOHD RAFI MAMAT /BHI)



Ishak melihat jualan produk ketika melakukan lawatan kerja di Pasar Tani Kekal Pekan, semalam.

Peniaga warga asing di pasar tani akan digempur

Pekan: FAMA akan melakukan operasi pemutihan peniaga warga asing yang berniaga di 750 pasar tani seluruh negara dalam masa terdekat, kata Pengerusi-nya, Ishak Ismail.

Beliau berkata, anggota penguat kuasa peringkat negeri sudah diarah melakukan pemeriksaan secara berperingkat sebelum operasi bersepadu dilakukan secara besar-besaran.

Katanya, FAMA tidak akan berkompromi kerana sudah tertakluk dalam syarat ditetapkan bahawa warga asing tidak dibenarkan berniaga di pasar tani bagi memastikan peluang peniaga tempatan tidak terjejas.

"Peniaga yang bertindak menyewakan perimit tapak perniagaan juga akan dikenakan tindakan te-

gas dengan lesen mereka akan dibatalkan serta-merta tanpa kompromi.

"Kita tidak boleh menerima apa juga alasan diberikan pihak terbahit kerana peraturan tidak membenarkan pemilik lesen menggunakan penerja warga asing sudah ditetapkan sejak dulu lagi," katanya pada program lawatan kerja ke Pasar Tani Kekal Pekan, di sini, semalam.

Yang hadir sama, Pengarah FAMA Pahang, Rosli Aw Da.

Lapor kepada FAMA daerah

Ishak berkata, kini ada kira-kira 68,000 peniaga di 750 pasar tani seluruh negara dengan setiap pasar tani mempunyai antara 60 hingga 80 peniaga menjual pelbagai hasil pertanian, perikanan

Fakta Nombor

68,000 PENIAGA

di pasar tani seluruh negara

ga asing berniaga dan bekerja di pasar tani dapat diselesaikan tahun ini seperti diarahkan Menteri Pertanian Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

"Justeru, saya berharap peniaga pasar tani dapat mematuhi arahan bagi mengelak mereka dikenakan tindakan, peringatan sudah diberikan dan jangankan salahkan FAMA jika lesen berniaga mereka dibatalkan," katanya.

dan makanan. Beliau berkata, pengguna yang melihat warga asing berniaga atau bekerja di pasar tani diminta melaporkannya kepada FAMA daerah dan negeri bagi tujuan siasatan dan tindakan.

Katanya, kes warga asing berniaga banyak berlaku di pasar borong, malah ada juga yang berniaga di luar kawasan pasar tani. "Saya akan memastikan isu war-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/4/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

Promosi 500 produk tempatan sepanjang LTdL 2019



Zainal Abidin (kanan) mengiringi Ahmad Faizal (dua, kiri) dan Abdul Yunus (dua, kanan) mengadakan lawatan ke premis usahawan yang menyertai program MBB sempena acara LTdL 2019 di Taiping, hari ini. TAIPIING - Sekurang-kurangnya 500 produk tempatan meliputi pelbagai komponen bakal dipromosi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) melalui pelaksanaan program Mybest Buy (MBB) sepanjang penganjuran perlumbaan Le Tour De Langkawi (LTdL) 2019 pada 6 hingga 13 April ini.

Timbalan Ketua Pengarah Operasi Fama, Zainal Abidin Yang Razalli berkata, pihaknya akan menganjurkan program MBB di setiap enam lokasi lokasi daripada keseluruhan lapan garisan penamat iaitu Tampin; Melaka; Putrajaya; Taiping; Pantai Cenang dan Pekan Kuah (Langkawi).

Menurutnya, penganjuran program MBB bersempena program sukan perlumbaan basikal bertaraf dunia itu adalah julung kali dilaksanakan Fama setelah LTDL dianjurkan sebanyak 24 edisi sejak tahun 1996.

"Bagi setiap lokasi garisan penamat, Fama memperuntukkan tempat kepada 40 hingga 50 usahawan setempat untuk memasarkan produk dihasilkan mereka meliputi komponen perniagaan 'foodtruck', barangan industri asas tani dan pemakanan.

"Selain itu, Fama turut memastikan beberapa produk unik dihasilkan Fama atau agensi kerajaan berkaitan lain seperti Laksa Kuala Kangsar, produk biskut kelapa dan jus durian belanda dipasarkan di setiap program MBB.

"Inisiatif itu penting bagi memastikan ianya mendapat perhatian bukan sahaja masyarakat setempat, bahkan pengunjung luar negara yang datang menonton acara LTdL 2019," katanya kepada media selepas majlis pelancaran program MBB Sempena LTdL 2019 di Dataran Warisan, di sini hari ini.



Ahmad Faizal (kanan) menyempurnakan gimik perasmian program MBB sempena acara LTdL 2019 di Taiping sambil diiringi Zainal Abidin (dua, kanan).

Majlis dirasmikan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu itu turut dihadiri Exco Kemudahan Awam, Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan Negeri Perak, Abdul Yunus Jamhari.

Zainal Abidin berkata, pihaknya turut menyasarkan nilai jualan keseluruhan produk tempatan melalui program MBB di sepanjang acara LTdL 2019 mencapai RM500,000. Bagaimanapun, beliau menegaskan hasrat utama Fama adalah memastikan produk-produk tempatan diketengahkan termasuk produk Agromas ke pasaran tempatan dan mendapat liputan masyarakat antarabangsa. "Sehingga Mac 2019, program MBB sudah mengumpul nilai jualan RM53 juta sejak tahun 2014 dan beroperasi di 177 lokasi secara tetap dan bermusim di seluruh negara

yang melibatkan 2,746.

"Bagi program MBB sempena acara LTdL, perbincangan dengan pihak penganjur dan kerajaan menampakkan hasil positif dan Fama yakin ianya akan diteruskan dengan persediaan lebih rapi pada tahun hadapan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/4/2019	KOSMO	NEGARA	4



PEMBENIHAN AWAN

TIMBALAN Pengurus Besar (Pembangunan) Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Nik Roslan Idris (kanan) mendengar penerangan mengenai proses pembenihan awan di Pengkalan Chepa semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/4/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

KADA lakukan pembenihan awan



KOTA BHARU 10 April - Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) melakukan pembenihan awan untuk menggalakan hujan bagi membantu petani khususnya pesawah di kawasan kendalian agensi itu mendapatkan air untuk tanamam mereka selepas kemarau panjang melanda negeri ini. Pemangku Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris berkata, pembenihan awan itu dilakukan dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Kelantan melalui Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani.

Katanya, usaha itu untuk membantu pesawah mengatasi masalah bekalan air melibatkan tiga daerah iaitu Kota Bharu, Pasir Puteh dan

Bachok dengan jumlah keluasan 6,000 hektar.

"Cuaca panas yang melanda Kelantan sejak Februari lalu telah menyebabkan tanaman kawasan kendalian KADA kekurangan air dan akan menyebabkan tanaman padi musnah.

"Proses pembenihan awan ini diharapkan berlakunya hujan untuk membantu pesawah dalam mengurangkan kerugian yang ditanggung mereka," katanya

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas meninjau operasi pembenihan awan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, Kota Bharu.

di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarah Jabatan Meteorologi negeri, Rabiah Zakaria.

Nik Roslan berkata, selain pembenihan awan, pihaknya juga mengambil beberapa tindakan segera bagi mengatasi masalah kemarau

melibatkan keseluruhan 26,833 hektar sawah padi di kawasan KADA.

Katanya, tindakan itu adalah membekalkan 242 pam mudah alih dan 200 'backward pump', serta membina 300 unit telaga tiub bagi membantu pesawah mengairi kawasan sawah mereka.

"Pihak KADA telah membelanjakan lebih RM1 juta untuk membantu pesawah mengatasi masalah ini," ujarnya,

Sementara itu, Rabiah berkata, Jabatan Meteorologi negeri ini memperuntukan kira-kira RM30,000 bagi menampung kos setiap kali penerbangan ketika proses pembenihan awan dilakukan.

"Perancangan pihak kami akan melakukan proses pembenihan awan ini selama lima hari tetapi ianya bergantung kepada keadaan awan, cuaca serta permintaan daripada KADA," katanya. - UTUSAN ONLINE

Headline	KADA laksana pembenihan awan		
MediaTitle	Berita Harian (Utara)		
Date	11 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Berita	Circulation	2,802
Page No	62	Readership	8,406
Language	Malay	ArticleSize	317 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,293
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,880



(FOTO SYAMSI SURIAINI/BH)

KEMARAU JEJAS TANAMAN PADI

KADA laksana pembenihan awan

Kota Bharu: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Kelantan melakukan pembenihan awan bagi menangani masalah kemarau sehingga menjejaskan tanaman padi di negeri ini.

Pemangku Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris berkata, berikutan cuaca panas yang melanda Kelantan sejak Februari lalu, pihaknya sudah mengambil beberapa inisiatif untuk membantu pesawah padi dalam kawasan kendalian KADA.

Katanya, salah satu inisiatif yang dilakukan adalah dengan melakukan proses pembenihan awan melalui permohonan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Jabatan Meteorologi dalam usaha membantu pesawah mengatasi masalah bekalan air.

"Kita memberikan lokasi kepada Jabatan Meteorologi untuk dilaksanakan pembenihan awan dan ti-

ga daerah diberikan iaitu Kota Bharu, Pasir Puteh dan Bachok dengan jumlah keluasan 6,000 hektar.

Bantu kurangkan kerugian

"Saya berharap dengan proses pembenihan awan akan berlaku hujan, sekali gus dapat membantu pesawah mengurangkan kerugian yang ditanggung serta padi yang musnah dapat dipulihkan kembali," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas operasi pembenihan awan, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Meteorologi Kelantan, Rabiah Al Adawiyah Zakaria.

Nik Roslan berkata, selain pembenihan awan, pihaknya juga mengambil beberapa tindakan segera bagi mengatasi masalah kekeringan air di kawasan kendalian KADA untuk dibekalkan kepada pesawah.

"Walaupun perubahan monsun Timur Laut berlaku dan hujan le-

bat turun di beberapa kawasan, namun ia masih tidak mampu menampung keperluan keseluruhan 26,833 hektar sawah padi di kawasan KADA.

"Antara usaha yang dilakukan adalah dengan membekalkan sebanyak 242 pam mudah alih dan 200 backward pump, serta 300 unit telaga tiub bagi membantu pesawah mengairi kawasan sawah mereka.

"Selain itu, kita juga membekalkan minyak diesel kepada pesawah yang mempunyai pam sendiri di samping pam yang dibekalkan KADA. Sehingga kini kita membelanjakan lebih RM1 juta untuk membantu pesawah mengatasi masalah air kering," katanya.

Sementara itu, Rabiah Al Adawiyah berkata, Jabatan Meteorologi Kelantan memperuntukkan sejumlah RM30,000 bagi menampung setiap kali penerbangan ketika proses pembenihan awan.

Nik Roslan (kiri) dan Rabiah melihat alat pembenihan awan yang menggunakan kaedah 'dry seeding' di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, semalam.

Headline	Usaha benih awan		
MediaTitle	Harian Metro (Timur)		
Date	11 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	7,330
Page No	35	Readership	21,990
Language	Malay	ArticleSize	268 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,867
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,601



Usaha **benih** awan

■ **Tangani kemarau bantu pesawah di kawasan kendalian KADA**

Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dengan kerjasama Jabatan Meteorologi Kelantan melakukan pembenihan awan bagi menangani masalah kemarau sehingga menjejaskan tanaman padi di negeri ini.

Pemangku Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris berkata, berikutan cuaca panas yang melanda Kelantan sejak Februari lalu, pihaknya sudah mengambil beberapa inisiatif untuk membantu pesawah padi dalam kawasan kendalian KADA.

Katanya, salah satu inisiatif yang dilakukan adalah dengan melakukan proses



NIK Roslan Idris (tiga kiri) bersama Rabiah melihat alat pembenihan awan, semalam.

pembenihan awan melalui permohonan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Jabatan Meteorologi dalam usaha membantu pesawah mengatasi masalah bekalan air.

"Kita memberikan lokasi kepada Jabatan Meteorologi untuk dilaksanakan pembenihan awan serta tiga daerah diberikan iaitu Kota Bharu, Pasir Puteh dan Bachok dengan jumlah keluasan 6,000 hektar.

"Saya berharap dengan proses pembenihan awan akan berlakunya hujan sekali gus dapat membantu pesawah mengurangkan kerugian ditanggung serta padi yang musnah dapat dipulihkan kembali," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Operasi pembenihan awan, di sini, semalam. Turut hadir, Pengarah Jabatan Meteorologi Kelantan, Rabiah Al Adawiyah Zakaria.

Nik Roslan berkata, selain

pembenihan awan, pihaknya juga mengambil beberapa tindakan segera bagi mengatasi masalah kekeringan air di kawasan kendalian KADA untuk dibekalkan kepada pesawah.

"Antara usaha dilakukan adalah dengan membekalkan sebanyak 242 pam mudah alih dan 200 *backward pump*, serta 300 unit telaga tiub bagi membantu pesawah mengairi kawasan sawah mereka," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/4/2019	MINGGUAN AMANAH	NASIONAL	3

Husam dilantik Pengerusi KADA



SENATOR Datuk Husam Musa telah dilantik sebagai Pengerusi KADA yang baru 2 April lepas.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Kelantan itu telah menerima watikah perlantikan untuk tempoh Mac 2019 sampai Mac 2021 dari Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Salahuddin Ayub, berkata pelantikan itu dibuat selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Pelantikan ini dibuat selepas semua perkara dipertimbangkan sebaik mungkin selain mengambil kira Husam adalah anak jati Kelantan. Kita harap pelantikan ini akan memastikan urusan pembangunan KADA dilestarikan bagi memajukan jelapang padi kedua terbesar negara," katanya.

Husam pula dalam kenyataan-

nya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Menteri Pertanian, Industri Dan Asas Tani yang telah sudi menyampaikan watikah itu.

"Junjung kasih setingginya kepada SPB YDP Agung atas perkenan baginda.

"Terima kasih juga kepada YAB Tun PM atas kepercayaan yang diberikan," kata Husam dalam kenyataannya sejurus selepas perlantikan itu.

Sejurus selepas majlis itu, Husam bersama Timbalan Pengerusi KADA Nik Roslan mengiringi Salahuddin Ayub dan Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Salahuddin Muhamad Hassan melawat rumah pam yang terbiar di Kampung Aur Duri.

"Dengan lawatan Salahuddin hari ini mungkin ada perkembangan baru mengenai pam berkenaan. Insyallah," tulis blogger Mohd Sayuti Omar dalam facebooknya.

Husam dilantik Pengerusi baharu KADA

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani melantik Senator Datuk Husam Musa sebagai Pengerusi baharu Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) berkuatkuasa 1 Mac lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pelantikan tersebut mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong sebagaimana keperluan dalam Akta KADA 1972.

Menurutnya, pelantikan itu diharapkan dapat memastikan urustadbir dan pembangunan KADA dapat dilestarikan serta memastikan ia pantas bergerak ke hadapan dalam memajukan jelapang padi kedua terbesar negara.

"Apabila kita bercakap tentang jaminan bekalan makanan, KADA bukan sahaja perlu mengekalkan bahkan mengeluarkan hasil yang lebih baik pada masa hadapan.

"Pelantikan Husam sebagai Pengerusi KADA yang merupakan anak jati Kelantan dan berpengalaman sebagai Exco Kerajaan negeri akan dapat jadi katalis kepada KADA di samping komitmen kuat daripada para pegawai.

"Halatjuj utama kementerian adalah memajukan semua sektor dalam bidang pertanian termasuklah dalam industri padi dan beras negara," katanya selepas menyarakkan watikah pelantikan kepada Husam di Ibu Pejabat KADA di Kota Bharu, 2 April lalu.



Pelantikan Husam mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Sementara itu, Salahuddin berkata, pelantikan Husam mengambil masa sedikit kerana Akta KADA 1972 mengkehendaki perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong.

"Dua akta iaitu Akta KADA 1972 dan Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) 1972 memerlukan lantikan Pengerusi mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong berbanding (agensi) lain seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam kementerian," ujarnya.

Terdahulu, dalam ucapannya, Salahuddin berkata, walaupun kontrak sebagai Pengerusi KADA adalah bagi tempoh dua tahun namun beliau tidak teragak-agak untuk



Salahuddin bersama Husam Musa (tuduk dua dari kanan) selepas penyerahan watikah pelantikan sebagai Pengerusi baharu KADA.

menukar tempat itu kepada orang lain jika prestasi Husam tidak memuaskan.

"Saya rasa saya telah berikan seorang calon yang layak mewakili kerajaan Pakatan

Harapan tetapi saya tidak akan tunggu sehingga dua tahun jika dia tidak 'perform', begitu juga dengan lantikan-lantikan di agensi lain," tambah Salahuddin lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/4/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

Koperasi mampu kukuh ekonomi pesawah



pihak yang berkaitan.

KUALA LUMPUR: Penubuhan koperasi dan melaksanakan pemasaran input secara terbuka akan membantu mengukuhkan kedudukan ekonomi pesawah di Malaysia, sekali gus mengurangkan masalah monopoli pengeluaran padi, demikian menurut Institut Penyelidikan Khazanah (KRI).

Pengurangan pemberian subsidi seperti baja juga akan membantu pesawah menjadi lebih kreatif, berdaya saing dan mempelbagaikan inovasi dalam pengeluaran padi.

Felo Pelawat Kanan KRI, Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed, berkata pesawah di negara ini masih berdepan masalah kemiskinan walaupun pelbagai subsidi dan sokongan oleh kerajaan disediakan menerusi

"Daripada pengumuman Menteri baru-baru ini, 90 peratus pengeluaran padi dikeluarkan pesawah terangkum di bawah B40. Maksudnya mereka masih dalam kemiskinan.

"Ini bermakna wujud masalah struktur yang serius dalam industri padi dan masalah ini dapat disimpulkan sebagai wujudnya dua pemisahan iaitu jurang kemiskinan antara pesawah dengan pemborong atau pengilang utama serta monopoli pasaran," katanya ketika ditemui pada pelancaran Laporan 'Status Industri Padi dan Beras di Malaysia' dan perbincangan mengenai isu 'Situasi Makanan di Malaysia', di sini, hari ini.

Beliau berkata, terdapat jurang antara petani dengan peserta industri seperti pengilang dan pemborong menyebabkan petani terpaksa akur dengan keputusan yang ditetapkan pengilang atau pembeli.

"Jalan terbaik untuk mengatasi masalah ini dan memperbaiki nasib petani ialah memperkasakan institusi di ladang atau sawah serta menggalakkan mereka menubuhkan koperasi sesama sendiri supaya mereka boleh mengumpul dana dan modal untuk membeli mesin (kelengkapan), mendapatkan input serta menguruskan pemasaran mereka sendiri," katanya.

Fatimah menambah, pesawah perlu diberi peluang untuk menceburi kegiatan nilai tambah seperti memproses beras kerana ia akan membantu mereka meningkatkan hasil serta menjana sumber pendapatan tambahan.

"Kita selalu menyangkakan kewujudan kilang besar itu satu pilihan yang baik, sebenarnya tidak. Jika kita lihat di Jepun atau Belanda, kilang pengeluaran padi terdiri daripada kilang kecil dimiliki oleh petani itu sendiri.

"Mereka memproses sendiri tanaman padi yang dikeluarkan dan apabila sudah berjaya mereka akan berusaha untuk membantu petani lain. Contohnya di Korea, petani di negara itu berupaya mengadakan pasar raya sendiri," katanya.

Katanya, Malaysia sekitar tahun 70-an memiliki 971 kilang padi di Malaysia dan paling membanggakan 60 peratus daripadanya dimiliki oleh koperasi petani.

"Bagaimanapun, sejak Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) ditubuhkan pada 1971, kemudiannya diswastakan sebagai PadiBeras Nasional Bhd (BERNAS) pada 1996, jumlah itu berkurangan kepada kira-kira 200 pengilang," katanya.

Selain itu katanya, pemasaran input juga perlu dibuka dan diliberalisasikan tanpa hanya menumpukan kepada satu agensi sahaja.

"Contohnya daripada aspek pengagihan subsidi baja. Apabila agihan itu dibuka maka ia akan mewujudkan industri input tempatan yang dinamik dan memberikan lebih banyak pilihan kepada pesawah," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pengurangan subsidi baja akan menjadikan pesawah lebih kreatif dan mendapatkan pilihan terbaik untuk pengeluaran sawah mereka, seterusnya merangsang pesawah mencuba inovasi baharu.

"Saya tidak mencadangkan ia (pemberian subsidi) dikurangkan sehingga 100 peratus, tetapi jika dalam 30 peratus pun sudah dianggap baik," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
11/4/2019	BERITA HARIAN	ONLINE	

Industri padi Malaysia lemah

KUALA LUMPUR: Industri padi di Malaysia lemah disebabkan wujud tumpuan terhadap segmen tertentu, demikian menurut Institut Penyelidikan Khazanah (KRI).

Menerusi laporan kajian 'Status Padi dan Beras di Malaysia' KRI, kepercayaan dan penguatan keseluruhan rantaian bekalan perlu dipupuk bagi melindungi kepentingan 200,000 pesawah dan 31 juta pengguna di negara ini.

Penyelidik Bersekutu KRI dan ketua penyelidik laporan berkenaan, Dr Sarena Che Omar, berkata amalan pengurusan ladang berdasarkan hasil 'menang-menang' antara petani dan pengilang, serta teknologi yang membolehkan ketelusan data, boleh membantu memperkukuhkan industri padi negara.

"Penggunaan model pertanian kontrak dan teknologi 'Blockchain' boleh diperluaskan dalam usaha mencapai sasaran untuk mengukuhkan industri," katanya pada pelancaran penerbitan terkini KRI, 'Status Padi dan Beras di Malaysia' dan sesi perbincangan mengenai isu 'Situasi Makanan Malaysia', di sini, hari ini.

Laporan yang dibuat bertujuan mengkaji cabaran yang dihadapi dalam industri padi dan beras merentasi keseluruhan rantaian bekalan.

Isu utama yang diketengahkan termasuk konsep jaminan makanan, varieti padi, memupuk kepercayaan antara pengilang dan pesawah serta pola pemakanan nasi.

Hadir sama ialah Pengerusi KRI, Dr Nungsari Ahmad Radhi; Ahli Ekonomi Kanan, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FOA), Dr David Dawe; Penasihat Penyelidikan Kanan KRI, Dr Jomo Kwame Sundaram dan Felo Pelawat Kanan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed.

Dr Sarena berkata, hasil kajian turut mendapati Malaysia masih ketinggalan dalam penghasilan varieti padi baharu berbanding negara pengeluar beras lain sehingga membataskan keupayaan pesawah untuk memilih varieti paling sesuai mengikut ekosistem ladang mereka.

"Penghasilan bagi satu variete padi baharu mengambil masa antara 10 hingga 12 tahun. Oleh itu, kebergantungan pengeluarannya tidak seharusnya terletak pada Institusi Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Justeru, penyertaan pembiak baka daripada sektor swasta dan universiti perlu digalakkan bagi membantu mempercepatkan proses pengeluaran varieti baharu," katanya.

Selain itu katanya, sudah tiba masanya sasaran dasar berkaitan pertanian dan makanan diperluaskan merangkumi faktor kualiti makanan seperti pertanian lestari, keselamatan makanan dan nutrisi dalam pengeluaran padi serta makanan lain.

Beliau berkata, kajian juga mendapati golongan miskin, penduduk bandar dan bukan warganegara adalah pengguna paling terdedah kepada perubahan bekalan dan harga beras.

"Justeru dasar yang lebih inklusif harus mengambil kepentingan bagi dua kategori pengguna iaitu pengguna dapat dikesan dan pengguna tidak dapat dikesan seperti pekerja asing tanpa dokumen," katanya.

Fokus segmen tertentu lemahkan industri padi

Industri padi di Malaysia lemah disebabkan wujud tumpuan terhadap segmen tertentu, demikian menurut Institut Penyelidikan Khazanah (KRI).

Menerusi laporan kajian 'Status Padi dan Beras di Malaysia' KRI, kepercayaan dan pengukuhan keseluruhan rantaian bekalan perlu dipupuk bagi melindungi kepentingan 200,000 pesawah dan 31 juta pengguna di negara ini.

Penyelidik Bersekutu KRI dan ketua penyelidikan laporan berkenaan, Dr Sarena Che Omar, berkata amalan pengurusan ladang berdasarkan hasil 'menang-menang' antara petani dan pengilang, serta teknologi yang membolehkan ket-

elusan data, boleh membantu memperkukuhkan industri padi negara.

"Penggunaan model pertanian kontrak dan teknologi *Blockchain* boleh diperluaskan dalam usaha mencapai sasaran untuk mengukuhkan industri," katanya pada pelancaran penerbitan terkini KRI 'Status Padi dan Beras di Malaysia' dan sesi perbincangan mengenai isu 'Situasi Makanan Malaysia' di Kuala Lumpur, semalam.

Laporan yang dibuat bertujuan mengkaji cabaran yang dihadapi dalam industri padi dan beras merentasi keseluruhan rantaian bekalan.

Isu utama yang diketengahkan termasuk konsep jaminan makanan,

varieti padi, memupuk kepercayaan antara pengilang dan pesawah serta pola pemakanan nasi.

Hadir sama ialah Pengurus KRI, Dr Nungsari Ahmad Radhi; Ahli Ekonomi Kanan, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FOA), Dr David Dawe; Penasihat Penyelidikan Kanan KRI, Dr Jomo Kwame Sumdaram dan Reto Pelawat Kanan; Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed.

Malaysia masih ketinggalan

Dr Sarena berkata, hasil kajian turut mendapati Malaysia masih ketinggalan dalam penghasilan varieti padi baharu berbanding negara pengeluar beras lain sehingga membataskan

keupayaan pesawah untuk memilih varieti paling sesuai mengikut ekosistem ladang mereka.

"Penghasilan bagi satu variete padi baharu mengambil masa antara 40 hingga 12 tahun. Oleh itu, kebergantungan pengeluarannya tidak seharusnya terletak pada Insituti Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Justeru, penyertaan pembiajak baka daripada sektor swasta bagi universiti perlu digalakkan bagi membantu mempercepatkan proses pengeluaran varieti baharu," katanya.

Selain itu katanya, sudah tiba masanya sasaran dasar berkaitan pertanian dan makanan diper-

luaskan merangkumi faktor kualiti makanan seperti pertanian lestari, keselamatan makanan dan nutrisi dalam pengeluaran padi serta makanan lain.

Perlu dasar lebih inklusif

Beliau berkata, kajian juga mendapati golongan miskin, penduduk bandar dan bukan warganegara adalah pengguna paling terdedah kepada perubahan bekalan dan harga beras.

"Justeru dasar yang lebih inklusif harus mengambil kepentingan bagi dua kategori pengguna iaitu pengguna dapat dikesan dan pengguna tidak dapat dikesan seperti pekerja asing tanpa dokumen," katanya.

Koperasi, pemasaran input terbuka perkukuh pesawah

Kuala Lumpur: Penubuhan koperasi dan pelaksanaan pemasaran input terbuka membantu memperkukuhkan kedudukan ekonomi pesawah di Malaysia, sekali gus mengurangkan masalah monopoli pengeluaran padi.

Pengurangan pemberian subsidi seperti baja membantu pesawah menjadi kreatif, berdaya saing dan mempelbagaikan inovasi dalam pengeluaran padi.

Felo Pelawat Kanan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI), Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed berkata, pesawah di negara ini berdepan kemiskinan meskipun disediakan subsidi dan sokongan oleh kerajaan melalui pihak berkaitan.

"Daripada pengumuman menteri baru-baru ini, 90 peratus pengeluaran padi dikeluarkan pesawah terangkum di bawah B40. Maksudnya mereka masih dalam kemiskinan.

"Ini bermakna ada masalah struktur serius dalam industri padi dan masalah ini dapat disimpulkan sebagai wujudnya dua pemisahan iaitu jurang kemiskinan antara pesawah dengan pemborong atau pe-

ngilang utama serta monopoli pasaran," katanya ketika ditemui pada pelancaran Laporan Status Industri Padi dan Beras di Malaysia dan perbincangan mengenai isu The State of Food in Malaysia, di sini, semalam.

Beliau berkata, ada jurang antara petani dengan peserta industri seperti pengilang dan pemborong menyebabkan petani terpaksa akur dengan keputusan ditetapkan pengilang atau pembeli.

"Jalan terbaik mengatasi masalah ini dan memperbaiki nasib petani ialah memperkasa institusi di ladang atau sawah serta menggalakkan mereka menubuhkan koperasi sesama sendiri supaya boleh mengumpul dana dan modal membeli mesin (kelengkapan), mendapatkan input serta mengurus pemasaran sendiri," katanya.

Fatimah berkata, pesawah perlu diberi peluang menceburi kegiatan nilai tambah seperti memproses beras kerana ia membantu

mereka meningkatkan hasil serta menjana sumber pendapatan tambahan.

"Kita selalu menyangkakan kewujudan kilang besar itu satu pilihan baik, sebenarnya tidak. Jika kita lihat di Jepun atau Belanda, kilang pengeluaran padi terdiri daripada kilang kecil dimiliki petani itu sendiri.

"Mereka memproses sendiri tanaman padi dan apabila berjaya mereka akan berusaha membantu petani lain. Contohnya petani di Korea yang berupaya mengadakan pasar raya sendiri," katanya.

Menurutnya, Malaysia memiliki 971 kilang padi pada sekitar 1970-an dan paling membanggakan ialah 60 peratus daripadanya dimiliki koperasi petani.

"Bagaimanapun, sejak Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) ditubuhkan pada 1971, kemudian diswastakan sebagai PadiBeras Nasional Bhd (BERNAS) pada 1996, jumlah itu berkurangan kepada 200 pengilang," katanya.

FAKTA

Malaysia memiliki sebanyak 971 kilang padi pada sekitar 1970-an



4 kementerian tangani pendatang asing kuasai pasar borong

KERAJAAN akan menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi menangani pendatang asing yang menguasai pasar borong dan pasaran harian di negara ini.

Jawatankuasa Khas itu akan diwakili empat buah kementerian iaitu Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Menurut Menteri Pertanian Datuk Salahuddin Ayub jawatankuasa khas itu ditubuhkan selepas mendapat kelulusan jemaah menteri pada mesyuarat yang diadakan 29 Mac lepas.

"Jemaah menteri dalam mesyuarat pada 29 Mac lalu bersetuju supaya 4 kementerian menubuhkan jawatankuasa khas menangani isu pendatang asing yang menguasai pasaran negara.

"Kita dapat ramai peniaga asing aktif di pasar borong dan pasar harian yang memerlukan tindakan bersama daripada empat kementerian ini.

"Ini berlaku kerana kenaikan harga barang, orang tengah yang mengambil keuntungan berlebih, keselamatan, persaingan dengan peniaga tempatan yang akhirnya akan memberi impak kepada pengguna petani penternak dan nelayan," ujarnya.

Menurut Salahuddin lagi, Ketua Setluasaha keempat-empat kementerian ini akan mengadakan mesyuarat dan membuat kajian mengenai perkara ini secara terperinci dan akan membentangkan cadangan sewajarnya kepada kementerian masing-masing.

"Kemudian barulah keempat-empat menteri akan mengadakan mesyuarat membuat keputusan penting bagi mengatasi masalah yang wujud pada hari ini," ujarnya.

Dijangkakan mesyuarat pertama akan dilakukan segera mungkin.

Salahuddin berkata di kementerianya telahpun mengadakan mesyuarat pada Jumaat lepas.

"KSU Pertanian mengambil tindakan segera untuk siapkan maklumat dan dokumen yang diperlukan dan akan memanggil mesyuarat pada bila-bila masa.

"Saya rasa di peringkat pegawai perlu ada beberapa siri mesyuarat perlu detail, barulah empat menteri akan bersidang," ujarnya.



Salahuddin Ayub



SHAMSUL BAHRI (enam dari kiri) dan Azman (enam dari kanan) bersama peserta program Komuniti Bukit Kor, baru-baru ini.

Jana pendapatan petani Bukit Kor

BERMATLAMAT untuk mengeratkan hubungan antara kakitangan universiti bersama masyarakat, Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan (PPSTM) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menganjurkan Majlis Ramah Mesra Bersama Komuniti Bukit Kor 2019 yang berlangsung di kampung tersebut di Marang, Terengganu baru-baru ini.

Kehadiran kakitangan PPSTM bersama pengurusan UMT itu telah disambut oleh lebih 50 orang komuniti petani yang mengusahakan pelbagai jenis tanaman sayuran serta mengusahakan madu kelulut di kawasan milik UMT itu.

Pemangku Dekan PPSTM, Prof. Madya Shamsul Bahri Abd. Razak berkata, selain mengeratkan hubungan bersama komuniti, objektif program tersebut juga adalah untuk memperkenalkan Kompleks Agroteknologi PPSTM kepada pihak kerajaan negeri, agensi luar dan badan-badan berkaitan.

"Kompleks Agroteknologi telah siap dibina dan diserahkan kepada PPSTM pada November tahun lalu.



SHAMSUL BAHRI memberikan penerangan mengenai perusahaan madu kelulut kepada Azman.

"Kompleks ini berperanan untuk memudahkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran pelajar sarjana muda terutamanya bagi aktiviti amali pelajar. Di samping itu, pelajar siswazah juga boleh menjalankan aktiviti penyelidikan di sini," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Tambah Shamsul Bahri, pelaksanaan program dan kewujudan kompleks tersebut diharap dapat membantu mengeratkan lagi hubungan dua hala antara UMT dan agensi

pertanian dan kerajaan negeri Terengganu.

Usai majlis tersebut, para peserta program telah dihidangkan dengan jamuan yang dimasak dan disediakan secara bergotong-royong bersama kakitangan universiti dan pihak komuniti Bukit Kor.

Jana ekonomi

Sementara itu, majlis tersebut turut dihadiri Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr. Azman Ibrahim.

Azman dalam ucapannya berkata, pihak kerajaan negeri turut menggalakkan aktiviti pertanian dengan penglibatan penduduk setempat terutamanya komuniti Bukit Kor itu sendiri.

"Penduduk setempat perlu bersedia untuk bergandengan dengan pihak universiti dalam memastikan kelestarian pertanian dan seterusnya menjaga ekonomi setempat.

"Hal ini jelas terbukti bahawa pertanian merupakan antara salah satu faktor penyumbang kepada perkembangan ekonomi," ujarnya.



SEBAHAGIAN peserta yang terlibat dalam aktiviti memasak.